

Newspaper

Berita Harian

Date

17 February 2016

Proton Perdana baharu dilancar suku pertama 2016

BH-17/2/2016

» Harga dianggar antara RM100,000 hingga RM150,000

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fsal@bh.com.my

Proton Holdings Bhd (PROTON) akan melancarkan model baharu Proton Perdana pada suku pertama tahun ini yang dianggarkan berharga antara RM100,000 hingga RM150,000.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pembangunan model baharu itu yang tempahannya dibuka mulai sekarang, membabitkan kos antara RM200 juta hingga RM230 juta.

"Perdana baharu itu menggunakan platform sedia ada yang membantu mengurangkan kos pembangunannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena taklimat media dan majlis preview Proton Perdana baharu di Pusat Kecemerlangan PROTON di Subang Jaya, Selangor, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Abdul Harith Abdullah.

Perdana ialah satu-satunya model kereta Proton dalam kategori segmen D yang memulakan pengeluaran pada 1994.



Mahathir bersama Abdul Harith (kanan) menunjukkan **Proton Mobile Assist** sempena pelancarannya dan pengenalan wajah baharu Proton di Subang Jaya, semalam. (FOTO MUHAMMAD'SULAIMAN/BH)

Model terbaharu itu adalah generasi ketiga Perdana yang pengeluarannya dihentikan pada 2010 dan ia hasil kerjasama PROTON dengan Honda bagi merealisasikan sebuah model gantian baharu untuk Proton Perdana.

Kekal nama model

Dr Mahathir berkata, di bawah strategi baharu PROTON, syarikat pengeluar kereta nasi-

onal itu akan mengekalkan nama setiap model baharu yang dilancarkan bagi mengekalkan populariti dan mengelakkan kekeliruan terhadap model baharu kenderaannya.

"Selepas ini, setiap model baharu Proton akan mengekalkan nama asalnya model berkenaan, seperti Civic yang dikeluarkan Honda sebagai contoh," katanya.

Sementara itu, Harith ber-

kata, model baharu Perdana itu diharap dapat membantu pengeluar kereta nasional itu mencapai sasaran jualan 2016 di antara 100,000 hingga 150,000 unit.

"Dengan pengenalan Perdana baharu bersama-sama dengan model lain yang sedang dirancang untuk dilancarkan tahun ini, kami yakin boleh mencapai sasaran jualan pada tahun ini," katanya.